



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG
(BAHAGIAN PERUMAHAN)**

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : PSUKPP/26/2020

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam bidang perkhidmatan di bawah kod bidang **GRED G1, KATEGORI CE, PENGKHUSUSAN CE01 (Pembinaan jalan Dan Pavmen)** yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai sebut harga berikut:-

**"KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI KAWASAN BLOK A,F,G,H DAN J SERTA
KERJA BERKAITAN DI RANCANGAN PERUMAHAN PADANG TENGAH DAERAH TIMUR
LAUT PULAU PINANG"**

2. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah diwajibkan untuk menghadiri lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh	:	26 Februari 2020 (Rabu)
Masa	:	09.00 Pagi
Tempat	:	Dewan Blok B, Rumah Pangsa Kg Melayu, Air Itam DTL
Kehadiran	:	Pemilik Syarikat sahaja (Wakil tidak dibenarkan).
Tambahan	:	Sila Bawa Cop Syarikat

3. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan ePerolehan Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan ePerolehan boleh mendapatkan borang sebut harga melalui laman web ePerolehan.

4. Borang tawaran yang telah lengkap diisi berserta maklumat pengalaman serta salinan sijil SPKK, CIDB dan STB dalam kod bidang yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan Tajuk Sebut Harga disebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada **4 Mac 2020** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **PSUKPP/26/2020** di **Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 20, KOMTAR, Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

5. Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.